

Anwar beri penghormatan terakhir kepada Mutang Tagal

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam memberi penghormatan terakhir kepada mendiang Yang Dipertua Dewan Negara, Datuk Mutang Tagal di Pusat Peringatan Nirvana 2, di sini.

Ketibaan Anwar pada jam 12 tengah hari disambut isteri mendiang, Datin Ho May Leng, anak serta keluarga mendiang.

Anwar sempat meluangkan masa kira-kira 20 minit dan bertanya khabar bersama keluarga mendiang.

Yang hadir sama pada upacara berkenaan ialah Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul.

Sebelum ini, Anwar menyifatkan pemergian Mutang sebagai satu kehilangan besar buat rakyat Sarawak dan negara.

“Mendiang adalah orang Dayak pertama dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Negara

dan ia pastinya satu kehilangan besar buat rakyat Sarawak dan negara.

“Segala jasa dan pengorbanannya pasti dikenang rakyat selama-selamanya,” katanya.

Semalam, Pejabat Yang Dipertua Dewan Negara mengesahkan Mutang, 69, meninggal dunia pada jam 11.46 pagi di Institut Jantung Negara (IJN) di sini, selepas menerima rawatan di situ setibanya dari Azerbaijan pada 6 Mei lalu.

Pada 19 Februari lalu, bekas Ahli Parlimen Bukit Mas itu dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Negara Ke-20 menggantikan Tun Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar yang meletakkan jawatan susulan dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri Sarawak.

Pelantikan Mutang mencipta sejarah apabila mendiang yang berasal dari Lawas, Sarawak menjadi pemimpin pertama dari etnik Lun Bawang dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Negara.



Anwar bersama keluarga mendiang Mutang di Pusat Peringatan Nirvana 2, di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Atiqah Sulaiman/BH)